

## Kerajaan akan tutup bangunan yang abai aspek keselamatan



.. NOH

**TANJONG KARANG** - Kerajaan akan bertindak tegas termasuk menutup sekolah maahad tahfiz atau mana-mana institusi pendidikan sekiranya bangunan yang dijadikan pusat pembelajaran dan penginapan tidak menepati spesifikasi keselamatan seperti disyaratkan pihak berkuasa.

Menteri Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan

Kerajaan Tempatan, Tan Sri Noh Omar berkata, langkah tegas itu perlu diambil bagi mengelakkan kejadian tragis yang menimpa pusat tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah di Kuala Lumpur kelmarin yang telah meragut seramai 23 orang termasuk dua guru berulang pada masa hadapan.

Bagaimanapun katanya, langkah menutup institusi

berkenaan hanya akan diputuskan selepas pemeriksaan dibuat Jabatan Bomba dan Penyelamat.

"Bagi maksud itu, saya telah mengarahkan Jabatan Bomba dan Penyelamat di seluruh negeri agar membuat pemeriksaan ke atas setiap sekolah tahfiz, pondok agama rakyat dan institusi pendidikan untuk memastikan setiap bangunan atau asrama yang didiami

selamat serta menepati piawaian pihak berkuasa.

"Jika kita mendapati bangunan tersebut tidak selamat, pengusaha dikehendaki melakukan pembaikan dengan segera dan jika gagal kita akan bertindak tegas termasuk menutup operasi sekolah mereka," katanya yang juga Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Selangor selepas menyampaikan sumbangan kepada

lima buah keluarga kurang bernasib baik di Kampung Sungai Tengi Kanan Baroh, Tanjong Karang di sini semalam.

Ketika ditanya sama ada pihaknya akan mengambil tindakan undang-undang ke atas pengusaha pusat tahfiz tersebut, katanya sebarang tindakan bakal diputuskan selepas siasatan daripada pihak berkuasa selesai terlebih dahulu.